



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEMAHIRAN *EMPLOYABILITY* DALAM KALANGAN PELAJAR
INSTITUT KEMAHIRAN MARA DI MALAYSIA**

FITRISEHARA BINTI KAZILAN

FPP 2008 19

**KEMAHIRAN *EMPLOYABILITY* DALAM KALANGAN PELAJAR
INSTITUT KEMAHIRAN MARA DI MALAYSIA**

FITRISEHARA BINTI KAZILAN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2008



**KEMAHIRAN *EMPLOYABILITY* DALAM KALANGAN PELAJAR
INSTITUT KEMAHIRAN MARA DI MALAYSIA**

Oleh

FITRISEHARA BINTI KAZILAN

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Bagi Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Mac 2008



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KEMAHIRAN *EMPLOYABILITY* DALAM KALANGAN PELAJAR
INSTITUT KEMAHIRAN MARA DI MALAYSIA**

Oleh

FITRISEHARA BINTI KAZILAN

Mac 2008

Pengerusi : Profesor Madya Ramlah bt Hamzah, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kemahiran *employability* yang dimiliki pelajar semasa mengikuti pengajian di Institut Kemahiran MARA (IKM). Kajian ini adalah kajian tinjauan. Seramai 436 orang pelajar tahun akhir dari 13 buah IKM yang terdapat di Malaysia telah digunakan sebagai sampel dalam kajian ini. Data diperolehi dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasikan daripada *Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills* (SCANS). Analisis deskriptif dan inferensi seperti ANOVA, khi kuasa dua dan ujian-t telah digunakan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian.

Hasil kajian yang diperolehi mendapati bahawa tahap kemahiran *employability* pelajar Institut Kemahiran MARA pada keseluruhannya adalah di tahap sederhana iaitu memiliki (min=3.86, s.p=0.36), di mana kemahiran asas (min=3.84, s.p=0.48), kemahiran berfikir (min=3.81, s.p=0.47), kemahiran sumber/daya (min=3.79, s.p=0.49), kemahiran informasi (min=3.74, s.p=0.58), kemahiran interpersonal (min=3.95, s.p=0.51), kemahiran sistem dan teknologi (min=3.78, s.p=0.67), dan kualiti personal (min=4.13, s.p=0.53).

Dapatan juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran *employability* berdasarkan bidang pengajian [$F(4,431)=3.041$, $p<0.05$] dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran *employability* berdasarkan rancangan pelajar selepas tamat pengajian [$\chi(1)=0.214$, $p>0.05$]. Selain itu, dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran *employability* bagi aspek kemahiran asas [$t(434)=-2.532$, $p<0.05$] dan kemahiran informasi [$t(434)=-2.127$, $p<0.05$] berdasarkan jantina, di mana pelajar perempuan lebih memiliki kemahiran tersebut berbanding pelajar lelaki.

Kajian ini turut mencadangkan supaya pihak Pendidikan Teknikal dan Vokasional memasukkan elemen kemahiran *employability* dalam kurikulum pelajar vokasional supaya relevan dengan permintaan majikan dan industri, serta menyedarkan pelajar dalam apa juga bidang yang diikuti tentang kepentingan melengkapkan diri dengan kemahiran *employability* sebelum ke

dunia pekerjaan. Pihak institusi dan industri juga perlu menjalinkan usaha sama yang lebih terancang, bagi menjamin mengenai masa depan pelajar lelaki dan perempuan dalam bidang vokasional dan dalam melahirkan pekerja yang lebih produktif dan berkualiti tinggi.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of requirement for the degree of Master of Science

EMPLOYABILITY SKILLS AMONG MARA SKILLS TRAINING INSTITUTE STUDENTS IN MALAYSIA

By

FITRISEHARA BINTI KAZILAN

Mac 2008

Chairman : Associate Professor Ramlah bt Hamzah, PhD

Faculty : Educational Studies

The main purpose of this research is to investigate the level of employability skills among students of IKM. This is a survey research. There were about 436 final year students from 13 IKM were chosen as a sample of this research. The data was collected by questionnaires which were adapted from Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills (SCANS). Descriptive analyses and inferences such as ANOVA, chi-square test and t-test were used to answer the research questions.



The overall findings indicated that the employability skills among IKM students were average (M=3.86, SP=0.36) with basic skills (M=3.84, SP=0.48), thinking skills (M=3.81, SP=0.47), source skills (M=3.79, SP=0.49), information skills (M=3.74, SP=0.58), interpersonal skills (M=3.95, SP=0.51), system and technology skills (M=3.78, SP=0.67) and personal quality (M=4.13, SP=0.53).

The research findings showed that there were significant differences between employability skills and courses taken [$F(4,431)=3.041$, $p<0.05$] and no significant correlation between employability skills and plan after they have graduated [$\chi(1)=0.214$, $p>0.05$]. The findings also showed that there were significant differences between employability skills for basic skills [$t(434)=-2.532$, $p<0.05$] and information skills and gender [$t(434)=-2.127$, $p<0.05$].

The study suggests that Technical and Vocational Education Department should incorporate employability skills in the student's vocational curriculum to meet employer and industry's demand in order to create self awareness among students in various fields. These employability skills will make them more prepared to enter world of work. The institutions and industries should collaborate to ensure the male and female trainees in vocational fields will be more productive and of high quality workers.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Illahi atas limpah rahmat dan kurnia-Nya dalam menghadapi cabaran menimba ilmu dan menyiapkan penulisan tesis ini.

Setinggi penghargaan buat penarah Prof. Madya Dr. Ramlah Hamzah dan Prof. Dr. Ab Rahim Bakar kerana banyak membantu dan membimbing dalam usaha menyempurnakan penulisan tesis ini dengan memberikan kerjasama yang sangat baik kepada saya. Ucapan terima kasih tidak terhingga kerana memberi peluang dan pengalaman kepada saya dalam menulis artikel, membentangkan kertas kerja, dan menyertai pertandingan poster.

Terima kasih juga kepada pihak MARA dan Institut Kemahiran MARA kerana membenarkan penyelidik menjalankan kajian. Juga penghargaan kepada semua penarah Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal di atas ilmu yang dicurahkan.

Jutaan terima kasih buat ibu bapa iaitu Norlia Silong dan Kazilan Nordin, pada adik-beradik, rakan-rakan pembantu penyelidik dan rakan karib Siti Nur Diyana Md Daud di atas semangat yang telah diberikan. Terima kasih juga buat suami Mohd Yusri Mohd Noor di atas sokongan, nasihat dan kasih sayang yang berpanjangan dalam menjayakan tesis ini.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi **Fitrisehara Kazilan** telah mengadakan peperiksaan akhir pada **Tarikh** untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “**Kemahiran *Employability* dalam kalangan Pelajar Institut Kemahiran MARA di Malaysia**” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Ahmad Mohamad Sharif, PhD
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdullah Mat Rashid, PhD
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Suhaida Abd Kadir, PhD
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Nor Aishah Buang, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD GHAZALI, Ph.D.

Profesor / Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Ramlah Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ab Rahim Bakar, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 April 2008

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak dimajukan serentak untuk ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain.

FITRISEHARA KAZILAN

Tarikh: 29 Febuari 2008

KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
GLOSARI	xix

BAB

I	PENDAHULUAN	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia	5
	1.2.1 Majlis Amanah Rakyat (MARA)	8
	1.2.2 Institut Kemahiran MARA (IKM)	9
1.3	Penyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Persoalan Kajian	13
1.6	Batasan Kajian	14
1.7	Kepentingan Kajian	14
1.8	Definasi Operational	16
II	SOROTAN LITERATUR	
2.0	Pengenalan	18
2.1	Pendekatan Teori	18
2.2	Perspektif Kemahiran <i>Employability</i>	22
	2.2.1 Persepsi Majikan dan Industri Terhadap Tenaga Kerja Kini	24
	2.2.2 Globalisasi Ekonomi dan Wawasan 2020	30
	2.2.3 Perubahan Teknologi dan Keperluan Tenaga Kerja	33
	2.2.4 Melahirkan Tenaga Kerja Berpengetahuan	34
2.3	Kemahiran <i>Employability</i> dalam Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)	35
	2.3.1 Sekolah ke Kerjaya	40
	2.3.2 Persediaan Teknikal (Tech Prep)	42



2.4	Pendekatan Kajian	43
2.4.1	Konsep Kajian Council of Ontario Universiti	43
2.4.2	Kemahiran <i>Employability</i> SCANS	44
2.4.3	Kerangka Kajian	47
III	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	50
3.1	Rekabentuk Kajian	50
3.2	Lokasi Penyelidikan	51
3.3	Populasi Kajian	51
3.4	Sampel Kajian	52
3.5	Instrumentasi Kajian	54
3.6	Kajian Rintis	60
3.7	Prosedur pengumpulan data	61
3.8	Penganalisan Data	62
IV	HASIL KAJIAN	
4.0	Pengenalan	64
4.1	Latar Belakang Pelajar	64
4.2	Analisis min dan sisihan piawai kemahiran <i>employability</i> responden	74
4.2.1	Mengenalpasti perbezaan kemahiran <i>employability</i> berdasarkan bidang pengajian yang diikuti	85
4.2.2	Mengenalpasti rancangan selepas pengajian berdasarkan kemahiran <i>employability</i> pelajar	87
4.2.3	Menentukan perbezaan aspek-aspek kemahiran <i>employability</i> dengan jantina	88
4.2.4	Menentukan sama ada terdapat perbezaan kemahiran <i>employability</i> antara status pelajar mengikuti latihan industri	91
V	KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	93
5.1	Ringkasan Kajian	93
5.2	Kesimpulan	100
5.3	Perbincangan	100
5.2.1	Kemahiran <i>Employability</i> Pelajar	103
5.2.2	Mengenalpasti perbezaan kemahiran <i>employability</i> berdasarkan bidang pengajian yang diikuti	107
5.2.3	Mengenalpasti kemahiran <i>employability</i> pelajar berdasarkan rancangan selepas tahap pengajian	108
5.2.4	Perbezaan di antara memiliki aspek-aspek kemahiran <i>employability</i> berdasarkan jantina	108

5.2.5	Perbezaan antara kemahiran <i>employability</i> berdasarkan status pelajar mengikuti latihan industri.	110
5.4	Implikasi Kajian	110
5.5	Cadangan Kajian	112
BIBLIOGRAFI		116
LAMPIRAN		124
BIODATA PENULIS		136

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Jumlah Pemilihan Sampel	54
3.2	Skor dan Pengukuran Soal Selidik	55
3.3	Skala bagi Mengukur Kemahiran <i>Employability</i>	56
3.4	Bilangan Soalan dalam Setiap Bahagian Soal Selidik	57
3.5	Item-item bagi Setiap Aspek Kemahiran <i>Employability</i>	59
3.6	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	61
4.1	Taburan Frekuensi Berdasarkan Jantina	65
4.2	Taburan Frekuensi Berdasarkan Umur	65
4.3	Taburan Frekuensi Berdasarkan Tahap Pengajian	66
4.4	Taburan Frekuensi Berdasarkan Bidang Seni dan Bangunan	67
4.5	Taburan Frekuensi Berdasarkan Bidang Elektrik	68
4.6	Taburan Frekuensi Berdasarkan Bidang Mekanikal	68
4.7	Taburan Frekuensi Berdasarkan Bidang Elektronik	69
4.8	Taburan Frekuensi Berdasarkan Bidang Automotif	70
4.9	Taburan Frekuensi Berdasarkan Bidang Pengajian Pelajar	70
4.10	Taburan Frekuensi Berdasarkan Latihan Industri	71



4.11	Taburan Frekuensi Berdasarkan Status Mengikuti Latihan Industri	72
4.12	Taburan Frekuensi Berdasarkan Tempoh Mengikuti Latihan Industri	72
4.13	Taburan Frekuensi Berdasarkan Rancangan Selepas Tamat Pengajian	73
4.14	Taburan Frekuensi Berdasarkan Pengalaman Bekerja Sebelum Mengikuti Pengajian	74
4.15	Skala bagi Mengukur Kemahiran <i>Employability</i>	75
4.16	Skor Min dan Sisihan piawai Aspek-aspek dalam Kemahiran <i>Employability</i>	76
4.17	Min dan Sisihan piawai bagi Aspek Kemahiran Asas	77
4.18	Min dan Sisihan piawai bagi Aspek Kemahiran Berfikir	78
4.19	Min dan Sisihan piawai bagi Aspek Kemahiran Sumber / Daya	80
4.20	Min dan Sisihan piawai bagi Aspek Kemahiran Informasi	82
4.21	Min dan Sisihan piawai bagi aspek Kemahiran Interpersonal	83
4.22	Min dan Sisihan piawai bagi Aspek Kemahiran Sistem dan Teknologi	82
4.23	Min dan Sisihan piawai bagi Aspek Kualiti Personal	84

4.24	Analisis ANOVA Perbezaan Kemahiran <i>Employability</i> dengan Bidang Pengajian	86
4.25	Analisis Jadual Silang dan Khi Kuasa Dua Kemahiran <i>Employability</i> dengan Rancangan Pelajar Selepas Pengajian	88
4.26	Keputusan Analisis Ujian-t Mengenai Perbezaan Antara Aspek-aspek Kemahiran <i>Employability</i> dengan Jantina	89
4.27	Analisis Ujian-t Perbezaan di antara Kemahiran <i>Employability</i> dengan Status Pelajar Mengikuti Latihan Industri	92

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Hubungan Institusi dan Industri	45
2.2	Kemahiran <i>Employability</i> oleh SCANS	46
2.3	Kerangka Kajian	48
2.4	Kerangka Konseptual Kajian	49



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
1	Panel Pengesahan Instrumen	124
2	Borang Soal Selidik	125
3	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	131
4	Surat Kebenaran Menggunakan Soal Selidik	133
5	Biadota Penulis	134

GLOSARI

PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
IKM	Institut Kemahiran MARA
MARA	Majlis Amanah Rakyat
UPM	Universiti Putra Malaysia
SCANS	Secretary of Commission on Achieving Necessary Skills
SPSS	Statistical Package for Social Science
s.p	Sisihan piawai
%	Peratusan
dk	Darjah kebebasan
p	Aras signifikan
r	Nilai bagi korelasi
t	Nilai bagi perbandingan ujian-t
F	Nilai bagi perbandingan ujian ANOVA
n	Jumlah bilangan sampel

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang latar belakang kajian yang berkaitan dengan isu-isu semasa sebagai sokongan terhadap kajian berkenaan pendidikan teknikal dan vokasional yang dijalankan. Selain itu, bab ini juga menyentuh mengenai latar belakang kajian terhadap kemahiran *employability* serta usaha Pendidikan Teknik dan Vokasional dalam melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran. Seterusnya bab ini akan menerangkan tentang pernyataan masalah kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Akhir sekali bab ini membincangkan tentang kepentingan kajian dan definisi operasional.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) bertanggungjawab menyediakan dan membekalkan pelajar dengan ciri-ciri pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk meningkatkan produktiviti dalam menjana ekonomi yang berkembang. Negara-negara maju percaya terhadap kepentingan menjayakan dan memperluaskan sektor pendidikan vokasional kerana ia merupakan elemen yang perlu sebagai strategi kemajuan untuk melengkapkan rakyat dengan kemahiran dalam industri (Wilkins, 2001). Selain daripada itu, ia selaras dengan sistem pendidikan dan latihan PTV

sendiri dalam meningkatkan produktiviti kerja dan mengikut arus perkembangan ekonomi (Lewin, 1993).

Malaysia kini juga merupakan sebuah negara industri yang pesat membangun di mana pembangunan sumber manusia di negara ini adalah berdasarkan pertumbuhan ekonomi dan industri yang berasaskan sumber manusia yang berilmu, atau juga lebih dikenali sebagai k-ekonomi. Sumber tenaga yang berkemahiran boleh menjamin sistem pengeluaran industri negara menjadi lebih produktif dan lebih effisyen, serta dapat membantu eksport negara di pasaran antarabangsa (Teo, 2005).

Oleh kerana pertumbuhan ekonomi dan industri yang berkembang pesat, maka majikan mula memilih dalam mencari pekerja. Menurut Che Wan Takwa (2003), para pekerja berhadapan dengan perubahan ekonomi yang sangat besar dalam pasaran global. Konsep k-ekonomi baru mengkehendaki pekerja dengan pelbagai cara berfikir, mengurus dan bekerja. Dengan mengambil usaha yang serius terhadap perubahan corak pemikiran dalam memajukan sistem latihan teknikal dan vokasional melalui penstrukturan semula, pendidikan akan dapat meningkatkan pembangunan sumber manusia sekaligus membantu negara dalam menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti.

Bagi membina asas pertumbuhan yang didorong oleh sumber ekonomi dan kekuatan dalam negeri, usaha memantapkan keupayaan tempatan dalam pembangunan inovasi dan teknologi serta modal insaniah perlu

dilaksanakan. Beberapa langkah juga perlu diambil untuk memperbaiki tahap pendidikan, mempergiatkan latihan kemahiran serta menarik warga asing dan rakyat Malaysia dari luar negara yang berkepakaran tinggi sebagai sebahagian daripada strategi meningkatkan kepakaran (Kerajaan Malaysia, 2001).

Dalam Rancangan Malaysia ke-7 (RMKe-7), keutamaan yang diberikan kepada program latihan dan pendidikan adalah supaya menghasilkan sumber tenaga terdidik dan terlatih sebagai keperluan meningkatkan pencapaian produktiviti dan mengatasi persaingan ekonomi negara. Kerajaan Malaysia juga berpendapat bahawa program latihan dan pendidikan akan memberikan impak yang besar terhadap perindustrian negara dan dapat meningkatkan tahap sistem latihan dan pendidikan PTV. Untuk itu, kerajaan telah menyediakan dana perbelanjaan untuk program latihan kemahiran sebanyak RM20 juta, bagi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti. Dalam tempoh Rancangan tersebut, institusi awam dan swasta telah berjaya melahirkan seramai 187,440 tenaga manusia mahir dan separuh mahir pada kadar purata 9.8 peratus setahun. Selain daripada itu, beberapa kejayaan lain turut tercapai seperti tujuh buah pusat latihan kemahiran ditubuhkan, bidang khusus di pusat latihan kemahiran yang sedia ada ditambah dengan jumlah kapasiti 5,800 pada tahun 2000, bilangan pengajar terlatih juga dapat disediakan termasuk kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia, dan Standard Kemahiran Kebangsaan (SKK) terus dibangunkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) (Kerajaan Malaysia, 1999).

Seterusnya dalam Rancangan Malaysia ke-8 (RMKe-8), permintaan tenaga manusia dalam semua kategori pekerjaan berkembang pesat dan mencatatkan pertumbuhan yang positif. Tenaga manusia yang berasaskan teknologi dan pendidikan tinggi serta mempunyai latihan profesional lebih diperlukan lagi bagi memberi kelebihan untuk menghadapi persaingan pasaran dalam dan luar negara yang semakin sengit. Pendidikan Teknik dan Vokasional juga memainkan peranan yang penting dalam melahirkan tenaga kerja yang mahir dengan melatih belia negara memenuhi permintaan tenaga manusia yang diperlukan. RMKe-8 juga memberi perhatian kepada belia dengan memberi bimbingan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai serta memupuk sikap dan nilai yang baik bagi menghadapi cabaran persekitaran yang berubah dengan pantas (Kerajaan Malaysia, 2001).

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) pula, elemen yang paling penting dalam mencapai Misi Nasional adalah membangunkan modal insan yang berinovatif dan berkemahiran bagi memacu ekonomi berasaskan pengetahuan. Prospek RMKe-9 bagi tempoh 2006 hingga 2010 ini juga melihatkan peningkatan persaingan di pasaran global, ekonomi akan terus diperkukuh dengan meningkatkan daya saing dan seterusnya meneroka pertumbuhan baru. Peningkatan daya saing ini memerlukan modal insan bertaraf dunia yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran, serba boleh dan kreatif serta memiliki etika kerja positif dan nilai kerohanian. Oleh itu dalam tempoh RMKe-9, bina upaya akan diberi keutamaan yang tinggi. Ini kerana dalam sektor pembuatan, pertumbuhan produktiviti pekerja adalah disebabkan oleh peningkatan kualiti tenaga kerja dan pengurusan